



## KENYATAAN MEDIA

---

### **PROGRAM SANTUNI KOMUNITI MADANI PERINGKAT KAMPUNG ANGKAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

*9 aktiviti utama santuni rakyat, RM49,955.40 dana dimanfaatkan bagi penduduk Kg. Bharu, Kuala Lumpur*

1. Program Santuni Komuniti MADANI Peringkat Kampung Angkat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di Kampung Bharu, Kuala Lumpur ini adalah anjuran bersama **Yayasan Waqaf Malaysia (YWM), TV Al-Hijrah, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), dan Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR).**
2. Menerusi Majlis Peluncuran Program Santuni MADANI yang disempurnakan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Bin Haji Mokhtar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 27 Julai 2024 yang lalu, **Kampung Bharu telah diangkat sebagai Kampung Angkat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).**
3. Program Santuni Komuniti MADANI ini adalah bertepatan dengan salah satu daripada enam (6) nilai teras Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri, di mana mengasahi orang lain – keluarga, sahabat handai, jiran tetangga dan masyarakat secara keseluruhannya – adalah teras kepada sebuah visi Malaysia yang ihsan.
4. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) turut turun padang dan menyantuni masyarakat sekitar Kampung Bharu sepanjang pagi ini menerusi 9 aktiviti utama** iaitu :
  - a. **Kayuhan Prihatin Wakaf oleh YWM** di sekitar Kampung Bharu dengan jarak enam (6) kilometer, yang turut disertai oleh Ketua-ketua Agensi Hal Ehwal Agama atau wakil, bertujuan menyantuni penduduk Kampung Bharu dengan lebih dekat;
  - b. **Program Santuni Asnaf oleh MAIWP, TV Al-Hijrah dan PPZ** melibatkan 4 buah rumah asnaf dan juga 15 daripada 100 asnaf serta 15 daripada 100 pelajar merangkumi sumbangan berbentuk wang tunai, bakul makanan, kit persekolahan dan kit musibah;
  - c. **Program Keceriaan Sekolah oleh YWM** melibatkan 2 buah sekolah iaitu SMK Puteri Wilayah dan SK Jalan Raja Muda melalui aktiviti melukis dan mewarna mural di dinding bangunan sekolah, bertujuan menceriakan kawasan sekolah;

- d. **Program *Walkabout* oleh YWM dan MAPIM** di sekitar Kampung Bharu dan edaran *goodies beg* kepada penduduk sekitar dan pengunjung Kampung Bharu;
  - e. **Program Gotong-Royong Memasak Bubur Lambuk oleh TV Al-Hijrah dengan kerjasama penduduk Kampung Jawa, Kampung Bharu** untuk diagihkan kepada tetamu program;
  - f. **Program Gunting Rambut Percuma oleh YWM** yang dijangka memberi manfaat kepada 100 orang penduduk di mana tukang gunting rambut merupakan asnaf MAIWP;
  - g. **Program Pemeriksaan Kesihatan oleh MAPIM** turut disediakan untuk memudahkan para penduduk berhampiran membuat pemeriksaan dan mendapatkan nasihat kesihatan;
  - h. **Program Ceramah Advokasi Kesedaran Penipuan Pakej Umrah oleh JAWHAR** bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai pentingnya mendapatkan maklumat yang tepat mengenai pakej umrah bagi mengelakkan menjadi mangsa penipuan;
  - i. **Program tazkirah oleh personaliti TV Al-Hijrah** untuk memberi peringatan, motivasi dan pengajaran kepada masyarakat tentang nilai-nilai agama dan moral dalam kehidupan.
5. **Menerusi ucapan perasmian penutup, YB Senator Dato' turut menyatakan sebanyak RM49,955.40 telah diperuntukkan sepanjang program ini dan kesemua aktiviti yang dilaksanakan telah memanfaatkan seramai 750 orang penduduk di Kampung Bharu.** Menurutnyanya lagi, ini adalah usaha titik permulaan kepada agensi-agensi di bawah pentadbirannya untuk terus berkhidmat kepada rakyat khususnya penduduk Kampung Bharu.
6. Penganjuran program ini adalah berpaksikan kepada Teras Pelan Transformasi AI – Falah iaitu Kesejahteraan Insan dengan fokus kepada dua (2) perkara iaitu:
- a. Kemampanan ekonomi dan kebajikan sosial Islam dengan mengukuhkan institusi dan program Islam serta kebajikan sosial sebagai tonggak pembangunan masyarakat madani; dan
  - b. Pengukuhan perpaduan ummah dan keharmonian tamadun dengan memperluaskan jaringan kerjasama umat Islam di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa bagi mengukuhkan perpaduan ummah.
7. YB Senator Dato' turut menyatakan beliau bersama agensi-agensi di bawah pentadbirannya, **akan terus mengetengahkan instrumen kewangan sosial Islam seperti zakat dan wakaf dalam inisiatif ini agar dapat membantu memperkasakan tahap sosioekonomi warga Kampung Bharu.** Pendekatan turun padang dan bergerak aktif di lapangan mualamah bersama rakyat ini perlu dilaksanakan secara bersama agar

memastikan tiada siapa pun yang tertinggal daripada menikmati kehidupan yang lebih baik tanpa mengira bangsa dan agama.

8. YWM sebagai agensi wakaf di peringkat Persekutuan amat komited dan mendokong tekad YB Senator Dato' untuk meningkatkan peranan sektor wakaf dalam usaha pembasmian kemiskinan, pendidikan, kesihatan, dan pembangunan infrastruktur, dan sosioekonomi rakyat.
9. Menurut YB Senator Dato', program pada ini adalah terjemahan kepentingan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. Keharmonian dalam kalangan masyarakat perlulah dijaga meskipun mempunyai perbezaan pendapat dan pandangan. Setiap permasalahan hendaklah diselesaikan dengan berhemah dan semangat musyawarah. **Sebarang isu berkaitan agama Islam, masyarakat perlulah bersikap 'tabayyun' dengan merujuk pihak berautoriti seperti JAWI atau Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan.**
10. Selain dari usahasama agensi-agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), **program ini turut mendapat sokongan padu daripada rakan penaja iaitu Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (atau MAPIM) dan Pertubuhan Nadi Sihat.** Sumbangan daripada agensi kerajaan dan sektor korporat serta NGO seperti ini adalah sangat bermakna dalam memastikan setiap usaha murni dapat dilaksanakan dengan jayanya.

- TAMAT -

---

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:

1. **Cik Haidatul Azia binti Husin**  
**Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**019-3883395 | azia@ywm.gov.my**
2. **Cik Nur Ain binti Mohd Nazri**  
**Pegawai Media, Bahagian Pemasaran dan Korporat**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**011-33065054 | nurain.nazri@ywm.gov.my**